

MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN & MAJLIS RAMAH MESRA



Labuan, 16 April 2026 – Syukur ke hadrat Ilahi, hari ini telah berlangsung dengan jayanya Mesyuarat Agung Dwitahunan Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (5PM) Cawangan W.P. Labuan bagi Sesi 2026-2028.

□Majlis yang bertempat di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), JPWPL ini telah dirasmikan oleh Encik Ag Rozlan Bin Manan, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan(Mewakili Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan).

Terima kasih diucapkan atas kesudian tuan merasmikan serta menyantuni warga pesara pendidik.

□Selain urusan mesyuarat, majlis turut diserikan dengan:

🌙 Sambutan Aidilfitri – Menjadi medan ukhuwah dan ruang bermaaf-maafan buat semua ahli.

🕌 Majlis Doa Selamat – Kami mendoakan agar ahli-ahli yang bakal menunaikan fardu Haji tahun ini dikurniakan

haji yang mabrur dan segala urusan di Tanah Suci dipermudahkan.

□Tahniah kepada barisan kepimpinan yang dilantik. Terima kasih kepada semua ahli 5PM yang hadir memberikan komitmen padu pagi tadi.

□[#5PMLabuan](#) [#PesaraPendidikan](#) [#SSTPLabuan](#)
[#MesyuaratAgung2026](#) [#Aidilfitri2026](#)





